

16 OCT 2003

Kelantan-Mahathir

RAKYAT KELANTAN TAK UNDI BN KERANA DIKELIRUKAN TENTANG DASAR DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 16 Okt (Bernama) -- Satu seminar yang mengupas pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberitahu bahawa satu daripada sebab kenapa rakyat Kelantan tidak mengundi Barisan Nasional ialah mereka belum memahami dasar perjuangan Perdana Menteri.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Mat Nawawi Mat Jusoh berkata parti pembangkang terutama PAS telah sengaja mengelirukan rakyat dengan membuat dakwah supaya membencikan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir.

"Ini termasuk dasar menyeragamkan waktu antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak sebaik sahaja Dr Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri," katanya ketika berucap merasmikan seminar "Dr Mahathir Pemikir Islam" di Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Kubang Krian.

Mat Nawawi mewakili Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed. Kira-kira 500 peserta dari seluruh Kelantan menyertai seminar sehari itu anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Kelantan.

Beliau berkata rakyat Kelantan marah dengan perubahan itu kerana mereka terpaksa bangun lebih awal untuk mengejar waktu untuk masuk pejabat yang dipercepatkan setengah jam dari biasa.

"Mereka lupa bahawa dengan bangun awal secara tidak langsung mereka dapat menunaikan solat Subuh yang sebelum ini jarang-jarang mereka dapat tunaikan kerana bangun lewat," katanya.

Begitu juga dengan projek kereta nasional, kata Mat Nawawi, sambil menjelaskan bahawa sebahagian besar rakyat Kelantan menganggap projek itu sebagai angan-angan kerana mereka tidak yakin orang Melayu dapat melakukannya sebab tidak mempunyai kemahiran di bidang itu.

Kini pengikut PAS memuji projek itu kerana kereta nasional bukan saja menguasai pasaran dunia bahkan projek itu juga dapat mengangkat martabat umat Islam kerana sebahagian besar penghasilan kereta berkenaan termasuk daripada segi reka bentuk dilakukan oleh pekerja Islam sendiri, katanya.

Mat Nawawi berkata pembinaan pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor pernah dianggap oleh pembangkang sebagai membazir kononnya kerana negara telahpun mempunyai beberapa pelabuhan termasuk di Klang dan Kuantan.

Hari ini baru orang nampak sebab-sebab Perdana Menteri membina pelabuhan itu apabila kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan negara dengan tidak perlu menggunakan pelabuhan Singapura untuk mengeksport barangan ke luar negara, katanya.

"Sekiranya rakyat Kelantan dapat memahami dan tidak dikelirukan tentang misi Perdana Menteri untuk memartabatkan umat Islam, BN Kelantan tidak mungkin tewas sebegitu teruk pada pilihan raya," kata Mat Nawawi.

-- BERNAMA

WM BD MAI